

10/02/2004

Sukarnya mengubah sikap masyarakat

Mohd Azlan Jaafar

TUAN punya restoran di Presint 8 yang menjadi antara tumpuan penduduk dan warga kerja kerajaan di Putrajaya jelas tersenyum apabila melihatkan pekerja Alam Flora sibuk menyapu kaki lima dan jalan raya berhampiran kedainya.

Bukannya kerja membersihkan jalan raya adalah perkara baru di sini tetapi kebetulan tajuk perbincangan adalah mengenai kebersihan di pusat pentadbiran kerajaan itu. Malam sebelumnya, siaran berita TV3 menyiarkan laporan khas mengenai Hari Wilayah.

Salah satu segmennya memaparkan beberapa kawasan yang kotor serta realiti lama seperti pembuangan sampah dan vandalisme yang wujud di beberapa apartmen di Putrajaya.

Lif yang diconteng, pintu yang dirosakkan selain kekotoran di kaki lima kedai ditunjukkan dalam laporan singkat berkenaan.

Ia turut menunjukkan bagaimana dalam semua kata pujian yang diberikan kepada Putrajaya, wujud realiti lama yang seperti menjadi hakikat masyarakat. Sambil pekerja Alam Flora memungut setiap cebis sampah di jalan, tuan punya kedai makan itu berkata, "Ini mesti pasal itu berita yang disiarkan TV3. Baru dia sibuk kasi bersih."

Walaupun tidak berleluasa masalah vandalisme, sikap pengotor dan sambil lewa pihak tertentu, penyakit sama yang menghantui kebanyakan pihak berkuasa tempatan (PBT) secara perlahan memasuki bandar yang paling terancang dan tercantik di negara ini.

Ini jelas berbeza berbanding setahun lalu yang mana kawasan hutan berhampiran yang mengelilingi bandar ini lebih terjaga dan cantik dengan lalangnya hampir tidak wujud berbanding rumah sesetengah penduduk.

Sukar mencari serpihan tanah merah atau kekotoran di jalan raya walaupun beratus-ratus kenderaan memasuki kawasan pembinaan. Tiada tanaman yang mati atau tidak dijaga sepanjang jalan. Tetapi kini sebahagian kebanggaan itu mula terhakis.

Kepada sesetengah pihak ini tidak mengejutkan. Sebelum ini sudah ada label iaitu kita terkenal dengan keupayaan membina infrastruktur menarik tetapi gagal menyelenggara kemudahan yang ada. Terlalu banyak bukti menyokong pendapat itu.

Valedrome Rakyat di Ipoh, Taman Pertanian Malaysia di Bukit Cahaya Seri Alam di Shah Alam dan terbaru Taman Tasik Cyberjaya yang mempunyai jam bunga (floral clock) kedua terbesar di dunia dan terbesar di negara ini.

Taman itu kini dikatakan dikunjungi warga asing. Malah, tiada lagi jam bunga itu dan digeruni penduduk tempatan. Ia dirasmikan tahun lalu.

Seperti penyakit, sikap tidak apa dan tidak menjaga apa yang disediakan semakin terserlah termasuk di Putrajaya. Adakah kerana penguatkuasaan atau sikap penduduk? Adakah ada pihak tidak menjalankan tanggungjawab atau sikap tidak bertanggungjawab? Adakah Putrajaya sudah menjadi salah satu bandar biasa atau bandar kebanggaan?

Jika ditanya, masing-masing akan menyalahkan antara satu sama lain. Di bandar yang hampir keseluruhan dihuni kakitangan awam, ditambah faktor mereka yang tinggal adalah Melayu, ia memberikan gambaran atau stigma buruk mengenai kedua-duanya.

Selepas apa yang disediakan kerajaan dan usaha mengubah sikap sebahagian masyarakat, penyakit lama masih sukar diubati.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasar Presiden Umno pada 2002 meminta maaf kerana gagal mengubah sikap orang

Melayu walaupun mencuba pelbagai cara termasuk menangis dan berdoa. Beliau juga berharap penggantinya akan dapat melakukan perkara itu. Beberapa hari kemudian, Dr Mahathir mengumumkan persaraan dalam kerajaan dan politik.

Pengganti beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi cuba menyedarkan rakyat negara ini dengan mengatakan kita mempunyai prasarana setanding negara maju dan kelas pertama tetapi mentaliti dunia ketiga.

Malah baru-baru ini, ketika merasmikan sambutan ketiga penubuhan Putrajaya, beliau mahu melihat kakitangan awam di Putrajaya mencapai tahap produktiviti yang tinggi serta menunjukkan sikap dan etika kerja yang baik sesuai kemudahan kelas pertama yang disediakan.

"Saya dan anda semua berhijrah ke sini sama ada bekerja ataupun menetap di sini biarlah merasai perubahan yang berlaku, pastikan ada perubahan sikap," katanya sambil menambah warga Putrajaya seharusnya memiliki sikap mementingkan keindahan persekitaran di sini yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Adakah semua nasihat ini akan membawa kesan? Ia sukar dijangkakan. Perubahan nilai dan sikap sesuatu bangsa bukan perkara mudah. Menukar mereka daripada sikap pengotor kepada mencintai kebersihan, daripada pemalas kepada rajin, daripada sikap dengki dan menghasut kepada bangga dan menghormati kejayaan orang lain, berlumba dengan sihat dan bukan memburukkan orang lain. Satu tugas berat kepada mana-mana Perdana Menteri.

Realitinya, tidak mungkin semua dapat diubah. Seperti kata pepatah...

"Anda boleh membawa air kepada kuda tetapi anda tidak boleh memaksanya untuk minum." Tetapi apa yang lebih mendukacitakan, seperti melihat sekumpulan haiwan itu yang berlari di padang ragut, kadangkala adalah sukar membezakan antara kuda dan keldai.